

Title : Struktur Politik, Ekonomi dan Sosial dalam Kerajaan Melayu
Tradisional

Author(s) : Naim Fikri Bin Abdul Rahim

Institution : Universiti Kebangsaan Malaysia

Category : Article, Competition

Topics : History, Politics, Economy, Law

Struktur Politik, Ekonomi dan Sosial Dalam Kerajaan Melayu Tradisional

Oleh: Naim Fikri Bin Abdul Rahim

Asal usul kerajaan Melayu dipercayai bermula dengan kewujudan pentadbiran sebuah kampung atau wilayah yang kecil yang memerlukan seorang ketua bukan sahaja untuk mentadbir bahkan apa yang penting ialah menjaga keselamatan penduduknya. Senario inilah yang menyumbang kepada perkembangan petempatan awal dari masyarakat yang diketuai oleh seorang pemimpin yang hanya memiliki peranan yang kecil dengan sekadar menghulurkan nasihat kepada mempunyai satu kuasa yang berwibawa ke atas pengikut dan wilayahnya. Dengan itu bermulalah sebuah masyarakat yang meletakkan hierarki kedudukan sebagai aspek penting dalam pola masyarakat yang semakin berkembang dengan membentuk satu struktur politik piramid yang menuju ke arah pembentukan sebuah negeri atau negara.

Menurut Kulke, pembentukan asal usul negara-negara di Asia Tenggara termasuk Kesultanan Melayu berpendapat sebagai satu proses berkesinambungan dari pembentukan pemerintahan yang bercorak tribal atau stateless mahupun sebuah kampung hingga membawa kepada tertubuhnya sebuah pemerintahan berpusat atau empire state. Proses pembentukan negara ini mengalami tiga tahap, iaitu tahap tempatan, kawasan dan empayar. Pembangunan kuasa tempatan berada dalam sempadan yang terbatas dan bersaiz kecil dimana ia dikuasai oleh seorang pemimpin. Proses pembentukan negara memasuki tahap kedua apabila kuasa tempatan tadi berjaya mengembangkan pentas pentas kekuasaan politiknya melewati batas sempadan petempatan asalnya, dengan berjaya menguasai negeri-negeri atau kawasan yang berdekatan. Tahap ketiga pembentukan sebuah negara empayar (imperial state) muncul apabila pemimpin kawasan ini mula mengembangkan dan mempertingkatkan kekuasaannya dengan menguasai dan menjajah kawasan yang lebih luas yang tidak hanya terhad kepada jiran-jiran yang berhampiran.¹ Hal ini berlaku ekoran dari pencapaian kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi yang menggalakkan

¹ Herman Kulke, "The Early and the Imperial Kingdom in Southeast Asian History," dlm. David G. Marr and A.C. Milner (eds). *Southeast Asia in the 9 to 14 Centuries*, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies and Research School of Pacific Studies Australian National University, 1986, hlm. 5

hingga kerajaan ini berjaya membina kekuatan ketenteraan yang mendorong ia untuk meluaskan jajahan takluknya. Negara dalam kajian ini lebih merujuk kepada seorang sultan yang memerintah di kerajaan pusat, lazimnya ditandai dengan kemunculan sebuah istana. Seluruh wilayah itu dikawal dari pusat yang tidak mempunyai persempadanan yang jelas. Dengan keadaan ini, maka munculah satu struktur pentadbiran pusat yang berhierarki.

Ideologi politik merupakan satu fahaman politik manusia yang menerangkan sesuatu pendekatan metod pengurusan politik pemimpin-pemimpin ataupun pemerintah sesebuah negara dalam urusan pentadbiran negara dan penggubalan sesuatu polisi ataupun dasar politik dalam sesebuah negara bagi menjaga kepentingan rakyat negara tersebut serta memperkukuhkan keyakinan rakyat jelata terhadap cara pemerintahan negara tersebut. Politik kerajaan melayu tradisional tampak kelihatan yang amat ketara apabila terdirinya Kesultanan Melayu Melaka. Melaka merupakan sebuah kerajaan Melayu yang masyhur dan terkenal bukan sahaja di Nusantara malahan sampai ke merata pelosok dunia. Kerajaan Melayu Melaka hanya wujud selama 117 Tahun sahaja, iaitu dari tahun 1394M hingga 1511M.² Perlu diperhatikan bahawa Sejarah Melayu membicarakan tentang 'Raja Indragiri, Jambi, Tungkal, dan Lingga, serta Pahang, Kedah Pattani, Maluku, Kampar dan, Siak. Ini menegaskan apa yang telah dinyatakan sebelumnya bahawa penguasa Melaka sememangnya seorang raja di antara raja-raja dan Melaka adalah sebuah kerajaan.³

Sultan Melaka bermula dengan pengasasnya iaitu Parameswara yang telah membentuk sistem pemerintahan yang bersistemmatik serta lebih teratur. Sultan telah melantik pembesar yang bertanggungjawab dalam hal ehwal dalam urusan balairung seri, 40 orang tantera yang menjalankan tugas dalam pemeritahan raja dan melantik biduanda kecil. Kemudian telah semua yang dilantik telah menjalankan urusan Negara Sultan Melaka. Selain itu, kerajaan Melaka mempunyai sistem pentadbiran yang paling terusun dan licin ketika itu. Sultan telah melantik pembesar yang berfungsi sebagai pentadbir, pelaksana undang-undang dan peraturan, menghakim perbicaraan, mengawal dan melaksanakan protokol serta adat istiadat, sultan telah melantik Pembesar Empat Lipatan yang dikenali

² Zakiah Hanum, Asal-usul negen-negen di Malaysia, Times Book International, Kuala Lumpur, 1988, hlm.27

³ Ibid. passim

sebagai Pembesar Berempat yang kemudian dibantu oleh Pembesar Berlapan. Pembesar Enam besar dan pembesar tiga puluh Dua yang menjalankan tugas dengan . Mereka diberi kuasa sungai atau pulau sebagai kawasan yang ditadbir.⁴ Sistem pembesar Empat Lipatan ini merupakan satu sistem yang bersistematik dan berwibawa. Sistem pentadbiran ini hampir sama dengan sistem jemaah Menteri pada hari ini. Hal yang demikian telah menjamin kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka dapat dipertahankan.

Selain itu, mereka juga bertindak sebagai pemungut cukai terhadap kawasan tersebut. Selari dengan keadaan pentadbiran yang gagah dan hebat ini, telah menjadikan Melaka sebuah negara yang aman dan penduduknya yang bersatu padu. Oleh sebab itulah pihak musuh sukar untuk menguasai Melaka. Sultan juga amat bijak dan arif dalam menangani perbalahan rakyat. Tokoh pembesar yang berwibawa seperti Bendahara Tun Perak yang berjaya mengalahkan serangan Siam, beliau bijak membantu dan menasihati Sultan sehingga menjadikan Melaka kuat dan berjaya meluaskan pengaruhnya dan wilayahnya di Asia Tenggara.

“Maka berkenan pada hati Sultan Muzaffar Syah kata Tun Perak itu; maka titah baginda, ”Adapun Tun Perak itu tiadalah patut menjadi bentara lagi, patut menjadi menteri.”⁵

Melaka juga mempunyai hubungan dengan kerajaan luar seperti negara China. Masyarakat Cina telah menjalinkan hubungan dengan masyarakat di Kepulauan Melayu seawal tahun 221 S.M lagi,¹ manakala hubungan di antara kerajaan China dan Melaka telah bermula semenjak zaman Dinasti Han (206BC-220AD).⁶ Kedudukan Melaka sewaktu tu dalam keadaan yang selamat apabila mendapat perlindungan daripada China. Hubungan China dengan Melaka dipelihara melalui penghantaran 40 tahlil emas kepada Siam. China beranggapan bahawa kerajaan Melaka perlu dilindungi daripada pihak-pihak luar yang mahu menjajah Melaka. Hal ini disebabkan oleh kekuatan yang dimiliki oleh kerajaan Melaka tidaklah setaraf lagi dengan kekuatan yang dimiliki oleh Siam. Tindakan ancaman

⁴ Lisa Yip Shukye. Jais bin Abdul Hamid. 2012. *Sejarah Politik Malaysia Sehingga Awal Abad Ke-20*. Selangor Darul Ehsan. Penerbitan Multimedia sdn.bhd., hlm: 20

⁵ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 2015, hlm 92

⁶ Paul Wheatley, *The Golden Khersonese: Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before A.D. 15000*, (Kuala Lumpur: University Malaya Press, 1966), hlm. 88

yang dilakukan oleh Siam juga adalah disebabkan oleh pembunuhan Temagi, iaitu salah seorang wakil pemerintahan Siam di Singapura yang mana beliau telah dibunuh oleh Parameswara. Sultan Melaka telah mengambil kesempatan atas dasar terbuka Yung-Lo yang mencari negeri-negeri baru yang ingin beranung dibawah kerajaan China. Mereka mengadakan perhubungan dengan negeri tersebut bermula dalam tahun 1403, Setahun kemudian Raja Iskandar Syah menghantar utusannya ke Negara China dan membuat aduan bahawa pihak Siam masih cuba untuk mengancam Melaka. Ekoran daripada aduan itu, Maharaja Yung-Lo telah memberi amaran kepada Siam agar tidak lagi mengganggu Melaka.

7

Hubungan rapat diantara Melaka dan China berlangsung sehingga 1435M sahaja. Bermula 1434M, kerajaan China telah menukar polisi yang mana mereka menghentikan lawatan ke Melaka dan tiada lawatan yang dilakukan oleh Sultan Melaka ke China kecuali pada 1435M oleh Radin Bala yang telah diutuskan ke China dan sewaktu pemerintahan Sultan Mansur Syah (1456-1477M). Dalam tempoh tersebut China mengamalkan dasar tutup pintu buat seketika waktu kerana menghadapi masalah ekonomi yang meruncing terutamanya selepas kematian Maharaja Yung Lo dan Cheng Ho. Setiap daripada aktiviti pelayaran China menjadi terbantut berikutan sekatan yang dikenakan oleh kerajaan China ke atas pelayar dan pedagang yang ingin ke seberang laut.⁸ Laksamana juga merupakan seorang ketua duta dan ketua angkatan tentera sekiranya ketiadaan bendahara. Jawatan ini diperkenalkan semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah. Peranan Syahbandar adalah bertanggungjawab dalam melicinkan aktiviti perdagangan di pelabuhan Malaka. Syahbandar antara jawatan terpenting bagi menguruskan pentadbiran di pelabuhan dengan cekap. Selain itu, Syahbandar juga berperanan dalam mengurus pasar, menjaga kebajikan pedagang, menjaga keselamatan pedagang dan menjadikan hakim di pelabuhan.

Kerajaan Melaka telah menghantar sagu sebagai balasan kepada Maharaja China sebagai lambang betapa ramainya rakyat Melaka. Mengikut Tun Perpatih Putih setiap rumah dalam negeri Melaka menggolek sagu itu. Dengan itu, China dan Melaka

⁷ Wang Gu Wu, 1968. 'The First Three Ruler of Malacca', JMBRAS, Volume 41: 1 Julai, 1968, hlm. 18

⁸ Ahmad Jelani Halimi, Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006), hlm. 29.

mempunyai rakyat yang sama banyaknya. Tun Perpatih Putih pula meminta sayur kangkung yang tidak dipotong sebagai makanan kegemaran mereka. Kangkung itu pula dimakan dengan mendongakkan muka ke atas.

“Maka titah raja China kepada Tun Perpatih Putih, ”Apa kegemaran orang Melaka?” Maka sembah Tun Perpatih Putih, “Sayur kangkung tuanku, jangan dikerat-kerat, belah panjang-panjang, iaitulah kegemaran kami semua orang Melaka makan, tuanku.”⁹

Dengan cara itu, orang Melaka dapat melihat wajah Maharaja China, yang selama ini dilarang untuk melihatnya. Kebijakan diplomatik Melaka menyedarkan China tentang kekuatan Melaka. Sebagai balasan, Maharaja China telah memberi puterinya untuk dikahwinkan dengan Sultan Mansur Syah. Li Po pembesarnya mengiringi puteri Hang Liu dengan 500 orang pengiring yang lain. Pengiringnya dikenal sebagai Biduanda Cina dan mereka ditempatkan di Bukit China, Melaka. Perkahwinan itu melahirkan seorang putera yang bernama Paduka Mimat.¹⁰

Hubungan diplomatik dengan negara serantau menyebabkan Melaka terkenal sekaligus dengan mempertahankan kegemilangannya. Melaka telah menjalankan gabungan diplomatik dengan beberapa negara luar dalam urusan pentadbiran dan perniagaan. Urusan dengan perdagangan seperti Pasai, Jawa, Kampar dan Siak sejak pemerintahan Parameswara lagi. Hubungan Melaka juga telah memajukan ekonomi negara ini kerana kegiatan perdagangan seperti Pasai membekalkan lada hitam, emas dan beras. Sementara itu, Jawa membekalkan bahan makan dan rempah. Selain itu, Kampar dan Siak sebagai pembekal Emas. Hubungan Melaka dengan Pasai terjalin apabila Megat Iskandar Syah (1414 - 1424) mengahwini puteri dan memeluk agama Islam. Rakyat Pasai telah menetap di Melaka dan mulai berkahwin dengan penduduk tempatan. Kedua-dua kerajaan ini saling bertukar pendapat mengenai hal pentadbiran dan hukum - hakam agama Islam. Kerajaan Melaka juga telah membantu kerajaan Pasai menamatkan keadaan huru-hara dengan menghantar pembesar dan tenteranya.

⁹ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 2015, hlm. 133

¹⁰ Ibid, hlm. 104- 106.

“Maka orang Melaka pun naiklah berperang dengan orang Pasai”¹¹

Sikap tolong-menolong menghantar kerajaan Melaka dan Pasai dianggap sebagai hubungan diplomatik yang baik.

Sebelum kedatangan Islam undang-undang di Negeri-negeri Melayu ialah undang-undang tempatan atau undang-undang adat. Selepas kedatangan Islam undang-undang Islam telah diserap masuk di samping undang-undang Adat. Menurut R.O.Winstedt, Undang-undang Melaka merupakan undang-undang Melayu yang terawal. Walaupun banyak pendapat yang menyatakan Hukum Kanun Melaka ini digubal pada zaman Sultan Mahmud Syah (1488-1511M), Sultan Melaka yang terakhir namun tiada hujah untuk menyangkal kenyataan di dalam Sejarah Melayu yang menyatakan bahawa ia digubal pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah yang memerintah di antara tahun 1445-1458M.¹² Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang laut Melaka menjadikan Melaka antara negeri yang terawal memiliki undang-undang bertulis. Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka juga adalah sebagai penguatkuasaan Undang-undang Syariat. Jawatan Qadhi diwujudkan bagi mengendalikan urusan kehakiman Negara. Elemen-elemen pentadbiran tradisional Melayu masih dikekalkan dalam pentadbiran Melaka, tetapi unsur-unsur Islam diterapkan sehingga elemen Melayu tradisional tidak bercanggah dengan Syariat Islam. Keterbukaan Islam menerima sistem-sistem pentadbiran yang sedia ada, kemudian diterapkan dengan prinsip-prinsip Islam seperti persamaan, keadilan, Syura dan sebagainya, telah membolehkan Islam berperanan besar terhadap Kerajaan Melayu di Melaka. Kewujudan sistem undang-undang yang baik dan teratur seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka telah membantu kerajaan mengekalkan keamanan kerajaan Melaka. Hukum Kanun Melaka adalah sebuah perlembagaan bertulis Tanah Melayu. Posisi Hukum Kanun Melaka sebagai sebuah perlembagaan bukan sahaja berdasarkan bentuk pada ketika itu, bahkan menepati ciri-ciri perlembagaan yang ditakrifkan oleh sarjana undang-undang moden seperti Hood

¹¹ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 2015, hlmn 165

¹² Richard Winstedt (1947), (ed.), *The Malays a cultural history*, Routledge & Kegan Paul Ltd., London, 5, hlm. 99

Phillip & Jackson. Pada hakikatnya, Hukum Kanun Melaka adalah himpunan adat Melayu dan undang-undang Islam yang digubal semasa pemerintahan Sultan Muhammad Syah (1424-1444). Sebelum tarikh itu, Kesultanan Melayu Melaka sudah memiliki undang-undang dalam bentuk tidak bertulis iaitu adat Melayu¹³. Hukum Kanun Melaka telah dijadikan panduan dalam mengatur dan menjalankan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 fasal yang membincangkan tentang kuasa dan bidang pemerintahan dan pembesar serta pantang-larang masyarakat. Hukum Kanun Melaka sememangnya mempunyai 19 fasal dan telah diubah kepada 44 fasal. Kedua-dua hukuman digubal berasaskan adat Temenggung. Selain itu, bahagiannya turut dipengaruhi oleh hukuman-hukuman syarak.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, 2007: 379, ekonomi bermaksud ilmu berkenaan pengeluaran, pengagihan, penggunaan barang-barang, dan perkhidmatan; sistem pengendalian sumber kekayaan (kewangan, perindustrian, perdagangan) sesebuah negara; keadaan kekayaan atau kebendaan; urusan mengenai hal (perbelanjaan, penggunaan barang-barang) dalam rumah tangga. **Ekonomi** secara umumnya adalah suatu sistem pengendalian sumber kekayaan alam semulajadi yang membabitkan kegiatan kewangan, perindustrian, perdagangan, pertanian, dan perikanan dalam sebuah negara bagi memenuhi asas penduduknya.¹⁴

Melaka pada awalnya hanyalah sebuah perkampungan yang tidak terkenal di mata dunia. Tetapi setelah menjadi pusat entrepot yang terkenal di gugusan Kepulauan Melayu, kegiatan perdagangan menjadi semakin giat dijalankan. Kegiatan perdagangan bukanlah kegiatan baru di selat Melaka, cuma setelah ramai pedagang mulai melalui selat Melaka, maka Melaka dijadikan kawasan pelabuhan yang strategik.

¹³ Wikinson, "Adat includes the laws of nature, the conventions of the society, the rules of etiquette, and even the doctrines of common sense, Adat is right action in the matters of everyday life as well as in obedience to the law of the land," 1970, hlm. 15

¹⁴ Bernard S. Cyane (ed.), *The New Lexicon Webster's Encyclopedic Dictionary of the English Language*, Danbury: Lexicon Publications Inc, 1993, hlm.296; lihat juga Hajah Noresah Binti Baharom, *Kamus Dewan*, edisi ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 1305

Kegemilangan Melaka menjelang abad ke -15 adalah kerana kedudukan geografi yang terletak ditengah-tengah antara penyambungan pasaran perdagangan utama diantara benua India dan benua China. Kedudukan Melaka yang stragetik menyebabkan ia menjadi tumpuan perdagangan dan kawasan Asia. Selain daripada itu, antara faktor kenapa kedudukan Melaka menjadi kedudukan negeri yang boleh maju adalah kerana laut yang dalam. Melalui itu, maka kapal laut boleh sampai ke pelabuhan Melaka.¹⁵

Perdagangan antara Barat-Timur dengan Selat Melaka Kepulauan Melayu amat terikat dan ditentukan oleh arah aliran musim tiupan angin (Alan Villiers 1952). Terlindung dari tiupan angin monsun Sungai Melaka yang dalam membolehkan kapal-kapal berlabuh dengan mudah untuk menurunkan barang dagangan dan mendapatkan barang keperluan. Pelabuhan Melaka juga terlindung daripada tiupan angin monsun barat daya kerana Pulau Sumatera dapat menghalang tiupan angin tersebut. Banjaran Titiwangsa pula dapat menghalang pelabuhan Melaka daripada tiupan angin monsun Timur Laut. Keadaan ini membolehkan kapal dagang datang dan berlabuh di pelabuhan Melaka dengan selamat. Pedagang datang dan pulang mengikut musim angin monsun.¹⁶

Pedagang dari Timur datang ketika angin monsun Timur Laut. Manakala pedagang dari Barat pula datang ke Melaka ketika angin monsun Barat Daya. Keadaan ini menjadikan pelabuhan Melaka sebagai pusat tumpuan pedagang dari Timur dan Barat. Ketika menunggu peralihan angin monsun, pedagang akan menjalankan urusan jual beli di Melaka. Sementara itu, pedagang Melaka pula berperanan sebagai orang perantaraan dalam urusan jual beli barangan di antara pedagang dari Timur dan Barat.

Pedagang asing tertarik untuk berdagang di Melaka kerana selain daripada menjalankan urusan jual beli melalui sistem barter, mereka juga boleh menggunakan mata wang dalam urusan perniagaan mereka. Kerajaan Melaka memperkenalkan pengguna mata wang logam iaitu yang diperbuat dari timah. Wang emas tempatan juga

¹⁵ Zainal Abidin B. Abdul Wahid. 1992. *Malaysia: Warisan dan Perkembangan* Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm: 21-22.

¹⁶ Abdul Rahman Abdullah. 2000. *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara, Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam* Kuala Lumpur. Utusan Publication. hlm: 34

digunakan dalam urusan jual beli di Melaka. Salah satu lagi aspek penting dalam hubungan Melaka dan China adalah perdagangan. China dari sebelum Masihi lagi memang menjadi daya tarikan pedagang asing untuk mencari bahan mentah dan siap yang bermutu tinggi. Sutera merupakan salah satu bahan penting eksport China yang diminati. Oleh itu, beberapa bandar penting muncul di China sebagai pusat perdagangan. Ibu negeri kuno China seperti Anyang dan Changan merupakan dua Bandar penting untuk perdagangan. Pada pesisir pantai pula muncul beberapa Bandar penting seperti Canton. Namun demikian, China juga meminati barangan daripada Asia Tenggara seperti cengkih.¹⁷

Kedudukan geografi selat Melaka pula terletak di tengah-tengah jalan perdagangan di antara benua kecil India dan tanah besar China menjadikan Selat Melaka sebagai lokasi yang amat strategik di benua Asia seterusnya dijadikan sebagai pelabuhan entrepot. Ini berbeza daripada pelabuhan lain di rantau Asia Tenggara yang hanya memperdagangkan hasil tempatan. Sebagai sebuah pelabuhan entrepot, Melaka memainkan peranan sebagai pusat pengumpulan barangan dari Kepulauan Melayu dan pusat pengedaran barangan dari Timur dan Barat ke Kepulauan Melayu. Kemunculan Melaka sebagai sebuah pelabuhan entrepot dan pelabuhan antarabangsa juga menarik kedatangan pedagang Jepun walaupun hanya sekali sekala. Untuk membuktikan hubungan tersebut wujud ialah ketika zaman pemerintahan Sultan Mansor (1477-1488) di mana baginda telah mengirim dan menerima surat daripada Raja Ryukyu di Jepun. Adalah sukar untuk menentukan tarikh sebenar kedatangan orang Jepun ke Asia Tenggara. Namun begitu pada abad ke-16, dikatakan telah wujud hubungan antara Melaka dan Jepun melalui ketibaan Francis Xavier, seorang mubaligh Jesuit bersama dengan Anjiro seorang Samurai Satsuma. Pada masa ini muncul komuniti kecil orang Jepun yang menetap di Asia Tenggara, golongan ini dikatakan telah membantu pedagang Eropah seperti Portugis untuk pergi ke Jepun. Terdapat juga perkampungan Jepun di Maluku, Kalimantan, Filipina, Sulawesi, Jawa, Siam dan Semenanjung Tanah Melayu. Setelah Jepun diperintah oleh Syogun Tokugawa, maka

¹⁷ Roderick Pta, "China and the Trade in Clove, Circa 960 -1435" *Journal of the American Oriental Society*, Vol 113, No. 1 (Jan. – Mar. 1993), hlm 1

hubungan kedua negara menjadi terhad. Keadaan ini disebabkan Syogun Tokugawa menjalankan dasar pengasingan atau dasar tutup pintu.¹⁸

Sistem cukai yang teratur, berpatutan dan adil diperkenalkan oleh kerajaan Melaka. Sebelum urusan jual beli dijalankan, pedagang perlu membayar panduan, iaitu cukai rasmi. Sistem cukai yang diamalkan di Melaka dikenali sebagai Sistem Cukai Berkeutamaan atau Cukai Mengikut Tempat. Surat kebenaran berniaga juga perlu diperoleh oleh pedagang yang berdagang di Melaka. Surat ini sebagai lesen bagi peniaga berjual beli di Melaka. Tujuan surat kebenaran berniaga dikeluarkan kerajaan Melaka adalah untuk memastikan urusan perdagangan berjalan dengan lancar serta sebagai sumber pendapatan kerajaan. Melaka telah memperkenalkan sistem cukai ke atas barangan dangangan dan juga harta yang dijual. Berbalik kepada dasar perniagaan dan cukai Kesultanan Melayu Melaka, kita dapati Kerajaan Melaka pada zaman itu telah mengamalkan satu sistem cukai yang agak moden. Sekarang kita selalu juga mendengar istilah sistem cukai berkeutamaan (preferential tariff system). Pendekatan daripada sistem cukai yang seperti ini telah diamalkan di Melaka di kurun 15 lagi. Pires misalnya menyatakan bahawa pedagang-pedagang dari sebelah barat Melaka seperti India, Ceylon, Pegu, dan dunia Arab dikenakan cukai 6 peratus dan yang dari tempatan 3 peratus. Seterusnya pedagang-pedagang dari timur seperti China, Jepun, Jawa, dan Meluku tidak dikenakan cukai. Mereka dikehendaki member hadiah sebagai pengganti cukai.¹⁹

Selain itu, cukai terhadap harta juga dikenakan selain daripada cukai perdagangan. Contohnya cukai harta seperti menjual tanah milik perseorangan dan cukai hendaklah diberikan dan dibayar kepada pihak kerajaan. Hasil kutipan cukai digunakan untuk menampung kos pembiayaan untuk aktiviti pertahanan empayar Melaka. Selain itu, hasil kutipan cukai yang dianggap menjadi pendapatan kepada kerajaan Melaka yang akan digunakan untuk meluaskan dan memajukan kegiatan ekonomi kerajaan.

Cukai perdagangan menjadikan Melaka sebagai pelabuhan yang terkenal serta maju serta menjulang kegemilangan. Melaka mempunyai sistem cukai yang teratur. Terdapat 2

¹⁸ Lih. C.R. Boxer, *Sakoku or Close Country* dlm. *History Today* 7 (2), 1957, hlm. 80.

¹⁹ Zainal Abidin bin Abdul Wahid, 1990, *Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa*, Jebat 18, hlm. 77-78

jenis cukai yang dikenakan iaitu cukai rasmi iaitu duti import dan cukai tidak rasmi iaitu dalam bentuk hadiah kepada Sultan dan pembesar. Malah, terdapat cukai makanan yang dikenakan terhadap hasil pertanian Melaka kerana Sultan risau akan ketidakkecukupan makanan di Melaka akibat keluar masuk urusan pedangangan di Melaka. Oleh hal yang demikian, pihak pentadbiran Melaka telah mengeluarkan lesen untuk berniaga atau dikenali sebagai Surat Kebenaran Berniaga agar dapat mengesan barangan termasuk makanan daripada Melaka dalam urusan keluar masuk Melaka. Cukai dan Lesen ini mengikuti kawasan sebagai pelabuhan enterport berpusat dalam pengumpulan barangan dangangan dan menguruskan penyebaran bahan ke pelbagai tempat dan boleh dijadikan sebagai perantaraan perdagangan dari Timur ke Barat. Ini yang menjadikan Melaka sebagai pusat yang terkenal dalam pelabuhan entrepot. Peranan Melaka dalam pelabuhan enterport juga merangsang pemerintahan Melaka untuk menyediakan kemudahan perdagangan dan pentadbiran perniagaan. Pelbagai kemudahan yang telah dilengkapi dalam pelabuhan enterport ini ialah seperti kelengkapan pembaikan kapal, rumah persinggahan dan gudang untuk menyimpan barangan, bekalan, air bersih dan makanan serta wujudnya sistem sukatan dan timbangan yang adil. Selain itu juga mudah untuk mendapatkan makanan serta air yang bersih sebelum memulakan pelayaran mereka. Semasa menunggu pertukaran monsun, membolehkan pedagang berehat dan menyimpan barangan dagangan mereka dalam stor yang selamat dan dikunci. Malah dijaga oleh pengawal stor. Ini memberi keyakinan kepada pihak pedagang dengan merasakan kepuasan hati apabila singah di pelabuhan Melaka.

*“Maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka:
terlalu ramai bandar Melaka ketika itu”²⁰*

Terdapat segolongan rakyat Melaka yang digelar sebagai orang Kiwi. Mereka adalah golongan rakyat yang gemar dan bergiat dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan yang bukan hanya tertumpu di sekitar Melaka malah mereka telah pergi ke merata tempat untuk berdagang. Barangan dibawa dari India, China dan negeri-negeri kepulauan Melayu yang lain. Mereka mempunyai kapal untuk membawa banyak dagangan keluar dari negeri

²⁰ A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur 2015

lain. Terdapat juga antara mereka yang menyewa kapal untuk pergi berdagang. Sementara itu, ada di antara mereka yang barangan dan tidak mempunyai kapal sendiri. Mereka menggunakan agen, khususnya dalam perdagangan maritime. Biasanya mereka merupakan tuan-tuan kapal dan barang dagangan (kargo) dan mewakili saudagar-saudagar atau kiwi²¹ yang berlayar di dalam kapal itu sebagai agen atau mentauliahkan nakhoda kapal itu sebagai wakilnya untuk mendagangkan barangan kepunyaannya.²² Orang kiwi dilihat adalah golongan rakyat yang telah berkembang dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan berkenaan perniagaan dan perdagangan. Oleh itu tidak dapat dinafikan orang Kiwi sememangnya mempunyai kemahiran dalam perniagaan dan perdagangan. Mereka telah memberi sumbangan kepada perkembangan dan kemajuan kerajaan Melaka terutama dalam sektor ekonomi.

Kegiatan ekonomi masyarakat Melayu pada zaman kesultanan Melayu Melaka berteraskan sistem ekonomi sara diri. Keperluan ekonomi petani ini ialah berbentuk secukup hidup bagi menyara keperluan keluarga sendiri dengan menekankan kepada keperluan asas. Oleh itu, tumpuan utama kegiatan ekonominya ialah kepada usaha-usaha untuk mendapatkan sumber-sumber makanan.²³ Kebanyakan Orang Melayu dahulu adalah petani dan pelaut. Penemuan tinggalan arkeologi di Kuala Selinsing Perak menunjukkan orang Melayu juga adalah ahli pertukangan dan pedagang melalui jalan laut. Mereka hidup dalam kampung tradisi-menanam padi, kelapa, dan buah-buahan serta mengamalkan ekonomi sara diri. Oleh itu, kegiatan ekonomi masyarakat dalam zaman kesultanan Melayu dibahagikan kepada dua kerajaan agraria dan maritim.

Menurut Karl Max, sosial merujuk kepada setiap manusia yang berusaha memenuhi keperluannya melalui proses sosialisasi dalam masyarakat. Inti pemahaman sosial adalah

²¹ A. Reid, *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450-1680*. Vol. 2, New Haven: Yale University Press, 1993, hlm. 50

²² A. Cortesso (cd), *Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Soc, 1967, hlm. 23-84

²³ Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*: Penerbit Fajar Bakti, hlm. 96

tingkah laku, sikap atau orientasi yang berkaitan dengan kehidupan dalam masyarakat. **Konsep sosial** juga mengandungi peraturan, nilai dan norma.

Masyarakat Melaka merupakan masyarakat yang terdiri daripada beberapa golongan dan dikelaskan mengikut keturunan masing-masing. Susun lapis ini menggambarkan status sosial dan latar belakang orang tersebut. Menurut Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2005:78), masyarakat Melayu tradisional terbahagi kepada dua golongan iaitu kelas utama, iaitu kelas aristokrat (golongan atasan atau pemerintah) dan golongan bawahan (golongan rakyat jelata atau diperintah). Perkembangan sosial dalam masyarakat di zaman kesultanan Melayu Melaka dapat dilihat melalui struktur berbentuk piramid yang berpuncakkan kuasa pada sultan. Terdapat empat susun lapis masyarakat di Melaka iaitu golongan pertama ialah golongan yang tertinggi sekali iaitu golongan raja yang terdiri daripada raja dan baginda. Raja merupakan autoriti atau pemerintah tertinggi dalam pentadbiran. (Mohd Koharuddin Mohd Balwi, 2005: 38-39). Pada zaman Melayu tradisional, raja dianggap sebagai pemerintah yang berdaulat dan amat mulia. Daulat ini dikaitkan dengan spiritual dan kepercayaan tradisi. Melalui pengagungan Raja ini maka timbul lah konsep Daulat dan Derhaka. Sesiapa yang ingkar kepada perintah Raja akan dihukum bunuh akibat itulah yang mereka hadapi. Contohnya, Tun Hussien yang merupakan seorang pembesar Sultan telah dibunuh kerana didapati ingin menderhakai sultan, walhal, beliau bertindak atas dasar kemanusiaan yang cuba untuk menegakkan keadilan untuk menuntut bela kematian ayahnya.²⁴ Oleh itu, timbul lah ungkapan ‘pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya’. Golongan diraja dan kerabat menduduki strata sosial teratas. Di Melaka dengan mengambil contoh pemerintahan Sultan Muhammad Syah, golongan raja terdiri daripada sultan dan keluarganya. Kuasa pemerintahan terletak dibawah baginda (Dr. Seri Lanang Jaya Haji Rohani et al, 2013:134). Keluarga dan kerabat juga merupakan golongan yang mempunyai jurai keturunan raja yang memerintah sesebuah kerajaan. Keluarga dan kerabat diraja mempunyai kedudukan istimewa dan diberikan jawatan penting seperti bendahara dan temenggung.

²⁴ W.G Shellabear (ed), Sejarah Melayu, Malayan Publishing House, Singapura, 1961, hlm. 244

Kedua ialah golongan bangsawan yang dikenali sebagai orang kaya-kaya. Golongan ini merupakan pembesar dan pentadbir dalam sesuatu kawasan. Pembesar mempunyai tugas dalam pentadbiran sam ada sebagai penasihat raja ataupun pembesar daerah. Raja membenarkan pembesar daerah berkuasa penuh di daerah-daerah berkenaan seperti Selangor (azmah Abdul Manaf, 2001: 55). Oleh sebab itu, Pembesar mempunyai hak seperti raja untuk menyuruh rakyat menjalankan kerja-kerja seperti membina jalan, parit, tali air, dan berkhidmat sebagai tentera dalam peperangan yang dihadapi raja atau pembesarnya. (Mohd Koharuddin Mohd Balwi, 2005: 38-41/79). Golongan ulama pula memainkan peranan penting dalam kepentingan agama yang ditadbir oleh sesebuah kerajaan. Ulama merupakan golongan intelek dan alim ulama yang pakar dalam hal ehwal agama. Pada dasarnya, 'ulama' diterima sebagai golongan sarjana Islam yang menjadi pemelihara, penterjemah, penyampai ajaran meliputi aqidah serta undang-undang Islam, bahkan mereka juga adalah penghulu agama yang berugas menjamin kesinambungan perkembangan spiritual dan intelektual umat di sepanjang persada sejarah masyarakat Islam. Mereka pada prinsipnya merupakan pewaris para nabi, para wali Allah (Ibrahim Hilal, t.t, 252-253), penunjuk jalan kebenaran dan pengawal kurniaan agama daripada sebarang bentuk penyelewengan. Ulama pada zaman kesultanan Melayu Melaka terdiri daripada masyarakat yang mempunyai keturunan Arab-Melayu. Ulama dilantik oleh Sultan untuk menjadi guru, ketua agama, kadi dan bertugas menasihati Sultan dalam bidang hukum syarak. Pengislaman orang Melayu di rantau ini berkait rapat dengan gerakan tasawuf terutamanya menerusi peranan yang dimainkan oleh aliran tarekat terawal di alam melayu. Oleh itu, Pengajian tasawuf telah menerima sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat tempatan Melaka di mana pembelajaran ini pada kebiasaannya dijalankan di istana, masjid, madrasah, dan zawiyah sufi atas anjuran Sayyid Abdul Aziz yang juga merupakan antara tokoh terawal dakwah Islam di Melaka. Anak beliau, Sayyid Yusuf pula berperanan sebagai kadi pada zaman Kesultanan Melaka dan bertanggungjawab terhadap perundangan Islam agar dihormati serta dipatuhi oleh penduduk Melaka.²⁵

²⁵ Mohd Faizal Harun (2015), *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia*, Sintok : penerbit UUM, hlm, 43

Ketiga ialah golongan yang kebanyakan atau orang awam. Rakyat biasa bermaksud golongan merdeka yang tidak mempunyai keistimewaan tertentu seperti ilmu agama yang tinggi (ulama), kekayaan, atau keturunan. Mereka ini biasa terdiri daripada golongan petani, nelayan dan peniaga kecil yang merupakan golongan paling ramai di dalam negara. Dalam Sulalatus Salatin di ceritakan ketika pertama mendarat di bumi cucu Raja Suran telah sampai di Bukit Seguntang. Di situ tinggal dua orang peladang yang bernama Wan Empuk dan Wan Malini. Ladang padi mereka telah bertukar buahnya menjadi emas, daunnya perak dan batangnya suasa. Ketika mula-mula sampai di Tanjungpura pula rakyat Tanjungpura telah meminta supaya Sang Sapurba membunuh ular Saktimuna yang telah memusnahkan huma mereka. Dalam kisah Badang juga diceritakan tentang seorang petani yang menjadi tuan pemilik Badang ketika Badang belum mendapat kekuatan yang luar biasa.²⁶

Golongan keempat pula golongan yang paling bawah ialah iaitu golongan hamba. Intituti perhambaan dalam masyarakat tradisional Melayu dikaitkan dengan tradisi perhambaan di Tanah Arab atau Islam dan wujudnya system kasta dalam kepercayaan Hindu. Hamba berfungsi sebagai menyediakan tenaga manusia bagi menyokong dan menjalankan pelbagai jenis kerja yang wujud dalam masyarakat. Hamba juga dikatakan mampu meningkatkan taraf hidup pemiliknya kerana semakin ramai hamba yang dimiliki oleh seseorang, semakin tinggi taraf hidup dan kukuh ekonominya. Sesuatu yang menarik dalam golongan hamba ialah mereka dilindungi oleh Hukum Kanun Melaka yang menyebut bahawa hamba terlindung daripada kezaliman. Hamba bebas untuk bergerak seperti mengambil upah daripada orang lain.²⁷ Hasil pendapatan boleh disimpan sendiri atau diberikan kepada tuan mereka. Kedudukan sosial hamba ini dibicarakan secara panjang lebar dalam Hukum Kanun Melaka.²⁸ Hamba terdiri daripada tiga kelas, iaitu hamba raja, hamba abdi, dan hamba berhutang. Pertama sekali adalah golongan hamba raja. Mereka terdiri daripada orang yang merdeka yang telah melakukan kesalahan jenayah, kemudian tertangkap lalu mendapat keampunan daripada sultan, dan berjanji akan menjadi

²⁶ Bazrul Bahaman, Konsep Rakyat dan Peranannya Dalam Negara, Jurnal Peradaban Melayu, Jilid 10, 2015, hlm. 124

²⁷ Liaw York Fang, op.cit. Fasal 3, 10, 15:2, hlm. 68, 78, 88-92.

²⁸ Liaw Yock Fang, op. cit., passim.

hamba turun temurun. dengan cara ini mereka kan terlepas daripada menerima hukuman atas kesalahan yang mereka lakukan. Selain itu, golongan ini juga terdiri daripada tawanan perang atau banduan. Hamba raja juga dikenali sebagai 'biduanda' yang melakukan hampir kesemua jenis pekerjaan. Hamba raja ini mendapat perlindungan daripada pihak pemerintah. Hamba yang kedua ialah hamba abdi, umumnya, hamba abdi ini terdiri daripada orang bangsa Afrika, orang Asli, dan orang Batak yang bukan Islam. Hamba abdi juga merupakan hamba secara mutlak oleh seseorang dan boleh dijual beli, mereka mempunyai peluang yang tipis untuk dimerdekakan oleh tuannya. Hamba yang ketiga pula iaitu hamba berhutang merupakan golongan yang tidak dapat membayar hutang kepada si pemiutang. Golongan hamba berhutang ini pada asalnya merupakan golongan orang yang merdeka. Oleh kerana tidak mampu membayar hutang, maka mereka terpaksa menjadi hamba berhutang untuk melunaskan hutang-hutang mereka. Lebih memeritkan lagi apabila bukan sahaja mereka yang menjadi hamba, tetapi turut dialami oleh anak-anak dan isteri sebagai hamba tebusan. Tempoh perkhidmatan hamba berhutang adalah sehingga hutang tersebut telah selesai dibayar seperti yang telah dijanjikan.

Tinjauan jelas menunjukkan bahawa kedatangan Islam ke Melaka telah membawa pengaruh dan sumbangan yang meluas dalam perkembangan Kesultanan Melayu Melaka, meliputi setiap aspek budaya masyarakatnya. Justeru, perkembangan agama Islam di Melaka telah mempengaruhi sistem pentadbiran, perundangan, ekonomi, bahasa dan kesusteraan, pendidikan dan lain-lain lagi. Hukum Islam di Melaka telah mempengaruhi sistem pentadbiran, perundangan, ekonomi, bahasa dan kesusteraan, pendidikan dan lain-lain lagi. Hukum Islam terpancar melalui sistem perundangan Melaka. Undang-undang Melaka atau Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Undang-undang Melaka atau Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka banyak berlandaskan undang-undang Islam. Selepas pemerintahan Sultan Megat Iskandar Syah, proses rasionalisasi telah berlaku terhadap undang-undang tradisi menyebabkan perhukuman Islam menjadi sebahagian besar intipati Undang-undang Melak dan Undang-undang Laut Melaka. Malah peranan Kadi dalam sejarah perundangan Melaka juga amat dipentingkan, yakni dalam memelihara undang-undang tersebut. Raja atau Sultan bertindak sebagai penaung undang-undang.

Sesungguhnya agama Islam telah menjadikan suatu tenaga yang kuat yang mendorong kepada kemunculan serta perkembangan Melaka sebagai sebuah empayar lautan yang agung. Dalam melaksanakan urusan perniagaan, undang-undang Islam. Umpananya Islam melarang amalan riba atau keuntungan berlipat kali ganda daripada pusingan modal yang sebenarnya. Hukum ini adalah untuk membataskan sifat tamak atau kecenderungan mengambil keuntungan berlebihan dan pembeli pula dapat dilindungi. Mualamat Islam berhubung dengan sosial tersebut ada terkandung dalam Fasa 30 Hukum Kanun Melaka. Seterusnya hukum Islam ada mensyaratkan supaya semua maklumat atau hutang dicatatkan dengan disaksikan oleh dua orang lelaki. Ini bertujuan untuk mengelakkan kesulitan dan perbalahan pada masa depan. Barang-barang yang diperniagakan mestilah barang-barang yang suci, berguna dan bukan barangan haram. Fasal 30 Hukum kanun Melaka ada menentukan barang-barang yang boleh diperniagakan serta dilarang oleh Islam seperti arak, babi, anjing dan tuak. Amalan membayar zakat turut diperkenankan di kalangan rakyat. Semua ciri tersebut merupakan ciri-ciri ekonomi Islam seperti yang disarankan dalam al-Quran. Terdapat beberapa kepentingan Hukum Kanun Melaka. Antaranya Hukum Kanun Melaka mempengaruhi kehidupan orang Melayu dan teks-teks negara kota yang lain terutamanya negeri-negeri yang pernah menjadi jajahan takluk empayar tersebut.²⁹

Kejayaan Melaka dalam bidang ilmu pengetahuan telah menyebabkan Melaka terus maju dan berkembang Melaka berjaya mengeluarkan cerdik pandai serta ulama yang berpengaruh tinggi. Dalam terkenanya Melaka sebagai pusat ilmu pengetahuan maka ramai cendiakiawan datang ke Melaka dan menjadikan Melaka sebagai pusat rujukan keilmuan. Islam mula berkembang di Melaka melalui mubaligh Arab yang bernama Syeikh Abdul Aziz dan Makkah. Setelah Parameswara memeluk Islam. Islam berkembang dengan giatnya. Pedagang Islam dari Arab dan India mula memainkan peranan dalam pengembangan Islam sambil berdagang. Ada juga yang mengawini penduduk Melaka. Melaka akhirnya menjadi pusat penyebaran Islam di rantau ini. Institusi Keagamaan seperti masjid, surau, madrasah-madrasah dan sekolah-sekolah pondon mula tertubuh. Dengan

²⁹ Abu Hassan Sham & Mariyam Salim, *Sastera Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 1

sokongan Sultan Melaka, istana dijadikan sebagai pusat kegiatan intelektual. Di situlah berkumpulnya golongan cerdik pandai, jurutulis, pengarang dan ulama tersohor. Mereka terus berkembang sebagai pusat ilmu pengetahuan, pengenalan sistem tulisan jawi juga turut membantu pengembangan ilmu di Melaka. Banyak hasil penulisan dilakukan termasuk dua buah bukuundang-undang Melaka iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka. Buku yang diterjemahkan juga turut dilakukan seperti buku-buku sastera hikayat dan saduran, seperti Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Bulan Belah dan Hikayat Nabi Bercukur. Bahasa asing telah dikuasai oleh golongan cerdik pandai di Melaka dan mereka telah menterjemah dan menyadur karya sastera dari negara Arab dan Parsi. Antara karya sastera terjemahan ialah Hikayat Hamzah hikah muhammad Ali, Hanafiah dan Hikayat Iskandar Zulkarnain. Karya sastera pula ialah Hikayat Bulan belah, Hikayat Nabi Bercukur. Hikayat Bakhtira, Hikayat nabi wafat dan Hikayat Nabi Yusof. Selain daripada karya sastera terjemahan dan saduran. Antaranya ialah Hikayat Hang Tuah dan Hikayat Bayan Budiman.

Bahasa Melayu dijadikan lingua franca atau bahasa perantaraan dalam urusan perdagangan di Melaka kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa utama masyarakat di rantau Asia Tenggara dan digunakan dengan meluas oleh pedagang di pelabuhan Melaka. Menurut Asmah Omar (2007), lingua franca membawa makna sebagai bahasa yang diketahui oleh kebanyakan penutur walaupun hanya pada peringkat yang asas. Hal ini juga disebabkan Bahasa Melayu mudah difahami. Pedagang asing tiada masalah menggunakan Bahasa Melayu dalam urusan mereka dengan pegawai dan pedagang di Melaka. Selain itu, bahasa Melayu juga dilihat turut memainkan peranan penting dalam penulisan karya Melayu termasuk karya sejarah. Peringkat awal bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa pengantar Islam oleh para pedagang Arab sebagai bahasa pengantara dan alat penyebar agama Islam. Kemudian ia telah mula diislamisasikan dimana para ulama telah membawa bersama tulisan Arab yang dijadikan tulisan Melayu dengan tambahan beberapa huruf istimewa. Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa pengantar dalam bidang kesusasteraan tetapi juga dalam bidang perbincangan falsafah. Tegasnya bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi yang dibawa oleh Islam telah menjadikan bahawa ilmu dikalangan orang Melayu. Justeru itu, jelas agama Islam telah memperkukuhkan

kedudukan bahasa Melayu sebagai wadah perkembangan Ilmu di Melaka. Sejalan pengangkatan taraf Melayu sebagai bahasa ilmu. Kedatangan agama Islam turut memperkenalkan banyak istilah baru yang diambil iaitu bahasa Arab dari tulisan buku *Salalatus Salatin*. Bagitulah juga buku seperti *Sulalatus Salatin* dan *Tuhfat an- Nafis*.

Sebelum kedatangan agama Islam ke Melaka, masyarakat Melaka rata-rata mengamalkan kepercayaan animisme ataupun agama Hindhu-buddha. Perkembangan ilmu yang seiring dengan perkembangan pemerintahan dan perundangan di Kerajaan Melayu Melaka telah menyebabkan berlakunya perkembangan agama Islam secara meluas. Kerajaan Melayu Melaka bukan sahaja mengembangkan perdagangan dan kekayaan, bahkan juga mengembangkan syiar Islam.³⁰ Kedatangan agama Islam ke Melaka sedikit sebanyak telah mendorong bahasa Melayu sebagai bahasa Ilmu pengetahuan, bahasa persuratan dan bahasa perantaraan dalam kegiatan dakwah. Bahasa Melayu dianggap sebagai *Lingua Franca* kerana digunakan oleh masyarakat sekitar rumpun ini dan sekaligus digunakan secara meluas oleh pedagang di pelabuhan Melaka kerana bahasa Melayu mampu bersaing dengan bahasa-bahasa lain di dunia.

Pedagang-pedagang asing juga tidak menghadapi masalah komunikasi dengan pegawai melaka kerana mereka boleh berturut dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu juga digunakan di negeri-negeri Melayu lain yang berhampiran Melaka atau tanah jajahan Melaka. Selain daripada itu, bahasa Melayu digunakan dalam perhubungan sosial, pentadbiran ekonomi, agama dan pendidikan akan menerima tular iaitu balasan kerana menderhaka kepada sultan. Secara keseluruhannya agama Islam menjadi asas kepada kehidupan masyarakat Melaka. Adat Temenggung juga menjadi amalan Melaka pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Adat Temenggung ini meliputi hal-hal jenayah, awam kekeluargaan, hokum pelabuhan, dan undangundang laut. Mengikut Adat Temenggung sultan berkuasa penuh dalam pentadbiran.

³⁰ Khamis Hj Abas, *Melaka Dalam Dunia Maritim*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 2004, hlm. 17

Kesimpulannya, struktur politik, ekonomi, dan sosial dalam kerajaan masyarakat melayu tradisional merupakan satu topik yang menarik untuk dibincangkan. Hal ini dapat kita lihat daripada struktur politik yang amat tersusun dan terancang pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Dengan berasaskan Sistem Kesultanan, Pemerintahan Melaka mengekalkan tradisi pentadbiran Melayu, di mana para pembesar menjadi pentadbir atau Wazir-wazir dengan portfolio khusus. Pada asasnya, sistem ini berasaskan pentadbiran Kerajaan Melayu di Palembang dan Singapura, sebelum Sistem Islam diterapkan. Dalam sistem pentadbiran yang bermula pada zaman Sultan Muhammad Shah, pembesar utama Melaka ada empat tingkat iaitu Orang Besar Empat, Orang Besar Lapan, Orang Besar 16 dan Orang Besar 32.

Selain itu, ekonomi di Melaka juga majoriti dari mereka terlibat dengan kegiatan ekonomi seperti upeti, dari berbagai jenis cukai, zakat dan aktiviti perdagangan. Namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat segelintir sultan yang tidak terbabit dengan kegiatan ini terutama dalam bidang perdagangan.

Seterusnya, strata sosial masyarakat era Kesultanan Melayu Melaka seperti pedagang, ulama, rakyat biasa dan hamba abdi merupakan golongan pedagang dan ulama adalah kelas rakyat yang tertinggi. Golongan ini mempunyai hubungan rapat dengan istana. Kelas yang kedua ialah rakyat jelata. Sedangkan kelas paling rendah ialah hamba. Dalam kelas hamba pula, hamba raja mempunyai kedudukan baik daripada hamba rakyat.

Perkembangan politik, ekonomi, dan sosial pada era Kesultanan Melayu Melaka menunjukkan bahawa sistem pemerintahan ketika zaman tersebut adalah sistematik dan berteraskan birokrasi, seterusnya kesinambungan daripada era Kesultanan Melayu Melaka diteruskan dengan pembinaan negara bangsa kini yang masih mengekalkan beberapa ciri daripada era Kesultanan Melayu Melaka seperti kedudukan institusi Raja-Raja Melayu & bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kebangsaan.

BIBLIOGRAFI

A. Cortesso (cd) (1967). *Suma Oreintal of Tome Pires*, the Hakluyt Soc.

A. Reid (1993). *Southeast Asia in the Age of Commerce, 1450-1680. Vol. 2*, New Haven: Yale University Press.

A. Samad Ahmad (2015). *Sulalatus Salatin*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Abdul Rahman Abdullah (2000). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara, Sebelum dan Sesudah Pengaruh Islam*, Kuala Lumpur. Utusan Publication.

Abu Hassan Sham & Mariyam Salim (1995). *Sastera Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Jelani Halimi (2006). *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bazrul Bahaman (2015). *Konsep Rakyat dan Peranannya Dalam Negara*, Jurnal Peradaban Melayu, Jilid 10.

Bernard S. Cyane (ed.) (1993). *The New Lexicon Webster's Encyclopedic Dictionary of the English Language*, Danbury: Lexicon Publications Inc; lihat juga Hajah Noresah Binti Baharom (1997). *Kamus Dewan, Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Herman Kulke (1986). "*The Early and the Imperial Kingdom in Southeast Asian History*", dlm. David G. Marr and A.C.Milner (eds). *Southeast Asia in the 9 to 14 Centuries*,

Singapore: Institute of Southeast Asian Studies and Research School of Pacific Studies Australian National University.

Khamis Hj Abas (2004), *Melaka Dalam Dunia Maritim*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka.

Lih. C.R. Boxer (1957). *Sakoku or Close Country dlm. History Today* 7 (2).

Lisa Yip Shuky, Jais bin Abdul Hamid (2012). *Sejarah Politik Malaysia Sehingga Awal Abad Ke-20*, Selangor Darul Ehsan. Penerbitan Multimedia sdn.bhd.

Mohd Faizal Harun (2015), *Tasawuf dan Tarekat Sejarah Perkembangan dan Alirannya di Malaysia*, Sintok: penerbit UUM.

Paul Wheatley (1966). *The Golden Khersonese: Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before A.D. 15000*, Kuala Lumpur: University Malaya Press.

Richaid Winstedt (ed.) (1947). *The Malays a Cultural History*, Routledge & Kegan Paul Ltd., London.

Roderick Pta (1993). "China and the Trade in Clove, Circa 960 -1435", *Journal of the American Oriental Society*, Vol 113.

Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*: Penerbit Fajar Bakti.

W.G Shellabear (ed.) (1961), *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House, Singapura.

Wang Gu Wu (1968). 'The First Three Ruler of Malacca', *JMBRAS*, Volume 41: 1 Julai.

Zainal Abdin bin Abdul Wahid (1990). *Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa*,
Jebat 18.

Zainal Abidin B. Abdul Wahid (1992). *Malaysia: Warisan dan Perkembangan Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakiah Hanum (1988). *Asal-usul negeri-negeri di Malaysia*, Times Book International, Kuala Lumpur